

BAB VII

KESIMPULAN

7.0 Pendahuluan

Bab tujuh merupakan rumusan dan kesimpulan daripada kajian dan perbincangan yang diutarakan di dalam bab-bab yang sebelumnya. Di dalam bab ini, penulis akan merumuskan beberapa kesimpulan berdasarkan kupasan dan perbincangan yang telah dijalankan sebelum ini. Penulis akan mengemukakan beberapa saranan dan cadangan yang boleh memanfaatkan semua pihak. Penulis mengharapkan dapatan kajian daripada tesis dapat merealisasikan objektif kajian seperti yang dijelaskan di dalam bab pertama.

7.1 Kesimpulan

1. Pada peringkat awal pembentukan kajian i'ja:z, kupasan adalah tertumpu kepada aspek balaghah manakala kajian tentang dimensi-dimensi i'ja:z yang lain dibincangkan secara ringkas. Kupasan berkaitan dimensi-dimensi i'ja:z terus berkembang sehinggalah terhasilnya karya-karya khusus pada zaman moden. Pada zaman ini, i'ja:z al-Qur'a:n berkembang sebagai satu ilmu yang membincangkan tentang dimensi-dimensi i'ja:z secara sistematik.

2. I'ja:z yang disepakati oleh para sarjana ialah i'ja:z baya:niyy. I'ja:z baya:niyy terdapat pada setiap ayat bahkan pada setiap elemen bahasa seperti kata tugas, perkataan, ayat dan surah. Dimensi-dimensi yang lain seperti i'ja:z ilmiah, i'ja:z psikologi, i'ja:z pensyariatan, i'ja:z perkara ghaib dan i'ja:z penggunaan angka ('adadiyy) dapat dibuktikan pada ayat-ayat yang tertentu.

3. Antara bentuk-bentuk i'jaz baya:niyy dalam penggunaan kata tugas (huruf ma'a:ni:) ialah:

- (a) Tidak ada kata tugas di dalam al-Qur'an yang boleh ditafsirkan sebagai huruf imbuhan atau digugurkan atau ditafsirkan dengan huruf yang lain. Sebaliknya penyebutan huruf ini bertepatan dengan makna.
- (b) Penyebutan dan pengguguran kata tugas dalam konteks yang hampir sama mempunyai sebab yang signifikan iaitu penggunaannya berkait rapat dengan konteks dan makna sesuatu ayat.
- (c) Penggunaan kata tugas yang berbeza dalam konteks yang hampir sama juga bertepatan dengan konteks ayat.

4. I'jaz baya:niyy dalam pemilihan kata dapat dilihat dalam bentuk-bentuk berikut:

- (a) Pemilihan kata yang menggunakan huruf yang banyak pada tahap faṣaḥaḥ yang tinggi.
- (b) Penyebutan dan pengguguran huruf dalam perkataan tertentu pada tempat yang berbeza. Penyebutan dan pengguguran ini bertepatan dengan mesej yang ingin disampaikan.
- (c) Tiada kata sinonim di dalam al-Qur'a:n. Penulis lebih cenderung kepada teori perkataan yang hampir makna dan menolak kewujudan sinonim di dalam al-Qur'an sekaligus membuktikan i'jaz al-Qur'a:n.
- (d) Al-Qur'an menggunakan kata nama maskulin pada satu tempat dan kata nama feminin di tempat yang lain dalam konteks yang hampir sama untuk menunjukkan makna yang berbeza.

5. I'jaz baya:niyy juga dapat dibuktikan dengan fa:ṣilaṭ qur'a:niyyaṭ dan kepelbagaian qira'at. Fa:ṣilaṭ Qur'a:niyyaṭ merupakan istilah yang khusus bagi al-Qur'an dan ia

menjadi dalil kepada i'ja:z al-Qur'a:n. Ia berbeza dengan saja' atau qa:fiyaṭ yang lebih tertumpu kepada penghias lafaz (muḥassina:t lafziyaṭ). Fa:ṣilaṭ Qur'aniyyaṭ mengkombinasikan antara penghias lafaz dengan mesej yang ingin disampaikan. Balaghah kepelbagaian Qira'at pula dapat menjadi bukti sumber al-Qur'an dari Allah (s.w.t) dan pada masa yang sama menjadi dalil kepada i'ja:z al-Qur'a:n. Ini dapat dilihat melalui perkataan tertentu yang dibaca dengan satu bentuk Qira'at dan di tempat yang lain perkataan yang sama dibaca dengan pelbagai bentuk Qira'at. Penelitian menunjukkan kepelbagaian Qira'at berkait rapat dengan mesej dan konteks ayat.

6. Terdapat pelbagai fungsi penegasan dalam al-Qur'an dan fungsi tersebut berkait rapat dengan konteks ayat. Antara fungsi-fungsi tersebut ialah pengkhususan, meletakkan diri kedua yang yakin di posisi sasaran yang meragui, penegasan untuk penutur sendiri, penutur ingin mengukuhkan mesej di hadapan sasaran dan dalam dirinya, mengukuhkan perjanjian, sasaran berada dalam situasi janggal atau menakutkan dan penegasan membayangkan apa yang tersirat di hati penutur.

7. Ta'ri:f dan tanki:r adalah merupakan satu aspek balaghah yang mengkaji berhubung keindahan makna dalam penggunaan kata nama nakiraṭ atau ma'rifaṭ. Antara fungsi gaya bahasa ta'ri:f dan tanki:r dalam al-Qur'an ialah:

(a) Kata ganti nama diri pertama digunakan oleh penutur dengan pelbagai tujuan seperti berbangga, menyatakan kesombongan serta berlembut-lembut dan mententeramkan. Kata ganti nama diri kedua digunakan oleh penutur dalam konteks ucapan kepada seseorang manusia di hadapannya pada kedudukan mukhaṭab manakala kata ganti diri ketiga digunakan pada kedudukan ghayb (diri ketiga).

(b) Antara tujuan penggunaan kata nama khas dalam al-Qur'an ialah memberi informasi kepada pendengar dengan nama yang khusus serta membezakannya dengan lain, memuji, menghina, membayangkan keseronokan atau mendapat keberkatan dengan menyebutnya.

(c) al-Qur'an sangat teliti dalam penggunaan kata nama petunjuk. Contohnya al-Qur'an menggunakan kata nama isya:raṭ jauh untuk menunjukkan musya:r ilayh memang jauh dari perkara yang disebut dan menggunakan kata nama isyarat dekat menunjukkan sasaran perlu mendekati musya:r ilayh. Penggunaan kata nama petunjuk berfungsi mengagungkan, memandang rendah, menarik perhatian, membezakan musya:r ilayh dengan perbezaan yang nyata, cara untuk memperkenalkan musya:r ilayh dan menyindir kebodohan sasaran.

(d) Kata nama mawṣu:l dalam al-Qur'an berfungsi sebagai cara untuk mengenali penyandar, mengelakkan dari memburukkan pelaku, menarik perhatian atas kesalahan diri kedua menegaskan tujuan utama informasi disampaikan, sebab penetapan sesuatu hukum atau balasan serta menyindir dan memperolok-olok.

(e) Penggunaan alif-la:m dari segi balaghah terbahagi kepada dua iaitu alif la:m generik dan alif-la:m 'ahdiyyaṭ. Alif la:m generik membawa pengertian menyeluruh. Ia datang dalam tiga bentuk iaitu merujuk kepada jenis atau kelompok, merujuk kepada individu yang tidak ditentukan dalam kelompok dan membawa maksud keseluruhan. Alif-la:m 'ahdiyyaṭ pula merujuk kepada sesuatu yang telah difahami oleh sasaran. Ia terbahagi kepada tiga iaitu 'ahd tersurat, 'ahd dhihni: dan 'ahd tersirat.

(f) Antara fungsi penggunaan *ida:faṭ* dalam al-Qur'an ialah mengagungkan, menghina, menyindir, menunjukkan ketidakberadaban penutur dan meminta belas kasihan.

8. Penggunaan *i:ja:z* dan *iṭna:b* di dalam al-Qur'an menepati konteks ayat. Pada situasi tertentu al-Qur'an menggunakan gaya bahasa *i:ja:z* bersesuaian dengan keadaan. *I:ja:z* dalam ilmu balaghah terbahagi kepada dua iaitu *i:ja:z ḥadhf* dan *i:ja:z qaṣr*. Antara fungsi *i:ja:z ḥadhf* dalam al-Qur'an ialah memudahkan pendengar, membawa maksud yang menyeluruh, jiwa penutur tidak stabil, memberi fokus pada peristiwa yang berlaku serta menunjukkan kesopanan semasa bercakap. *I:ja:z qaṣr* pula merupakan peringkat *i:ja:z* yang paling tinggi. Ia terdapat pada kata-kata segelintir ahli balaghah dan banyak digunakan di dalam al-Qur'an. Pada situasi yang lain al-Qur'an menggunakan gaya bahasa *iṭna:b* dengan pelbagai fungsi seperti menarik perhatian sasaran untuk mendengar dengan lebih mendalam, mengelakkan kesamaran atau salah faham, menunjukkan kelebihan, penegasan, meminta belas kasihan, penutur sedang bertutur dengan orang yang dikasihi, memberi peringatan, memuji dan menjelaskan sebab.

9. Penggunaan gaya bahasa penegasan dalam surah Maryam mempunyai pelbagai fungsi balaghah iaitu menolak keraguan pendengar, menunjukkan kedaifan penutur, menghilangkan keresahan, penutur berada dalam situasi yang menakutkan, penutur meragui atau tidak percaya berita yang diterima, menegaskan janji dan menambahkan keyakinan sasaran.

10. Analisis penggunaan gaya bahasa ta'rif dalam surah Maryam mendapati:

(a) Al-Qur'an menggunakan semua bentuk ta'rif dalam surah Maryam iaitu kata ganti nama, kata nama khas, kata nama mawṣu:l, kata nama penunjuk (isya:raṭ), ta'rif dengan alif-la:m dan ta'rif dengan ida:faṭ.

(b) Gaya bahasa ta'rif dengan kata ganti nama menunjukkan:

(i) Kata ganti nama pertama yang kembali kepada Allah (s.w.t) pada bahagian pertama surah Maryam digunakan dalam konteks memuji dan dalam bahagian kedua adalah dalam konteks memberi amaran.

(ii) Penggunaan kata ganti nama kedua datang dalam pelbagai bentuk dan konteks seperti dalam bentuk dialog atau perbualan. Dalam konteks yang lain, satu pihak menunjukan ucapan kepada diri kedua, tetapi diri kedua hanya mendengarnya tanpa memberi ucapan balas. Sasaran yang menerima berita dari diri pertama pula tidak memberi ucapan balas kerana beradab, khusyuk, menunjukkan ketaatan. Penggunaan kata ganti nama kedua berfungsi menenangkan, menghiburkan dan menetapkan jiwa. Dalam konteks yang lain kata ganti nama kedua digunakan bertujuan mencela golongan musyrikin atau memberi pengajaran kepada golongan yang mengingkari hari kebangkitan.

(iii) Al-Qur'an banyak menggunakan kata ganti diri ketiga dalam bahagian fakta surah Maryam untuk menolak kesesatan golongan musyrik. Penggunaan kata ganti diri ketiga bertujuan memberi pengajaran dan bukannya memburukkan pelaku.

(c) Antara fungsi ta'rif dengan kata nama khas dalam surah Maryam bertujuan memuji dan membesarkan nama khas kerana kebaikan dan ketaqwaan mereka kepada Allah (s.w.t).

(d) Fungsi ta'rif dengan kata nama petunjuk dalam surah Maryam ialah mengisyaratkan sesuatu yang abstrak sebagai sesuatu yang dapat dilihat, menunjukkan kedudukan Isa (a.s), mengisyaratkan musya:r ilayh berhak menerima apa yang telah disebut serta menunjukkan kebesaran dan ketinggian.

(e) Kata nama mawṣu:l digunakan dalam surah Maryam kerana ia satu-satu cara untuk mengenali, sebab penetapan sesuatu hukum, memperkecilkan sesuatu perkara dan penyebutan nama secara nyata akan mengaibkan.

(f) Gaya pengkhasan dengan alif-la:m pada perkataan **الْكِتَابِ** dalam surah Maryam mempunyai pelbagai maksud iaitu al-Qur'an, Taurat dan Injil. Terdapat juga perkataan yang disebut sekali sahaja dalam al-Qur'an dengan gaya bahasa ta'rif dengan alif-la:m dalam surah Maryam iaitu perkataan **المُحَاضِ** yang bermaksud sakit melahirkan anak.

(g) Penggunaan ida:faṭ dalam surah Maryam mempunyai pelbagai fungsi seperti memuliakan, mengagungkan, mencela, menghina, menunjukkan kemuliaan dan menghiburkan. Analisis penggunaan ida:faṭ dalam surah Maryam mendapati beberapa ida:faṭ yang disebut secara khusus dalam surah Maryam dan tidak disebut dalam surah-surah lain.

(i) Penggunaan **صَاحِقُ الْوَعْدِ** yang disebut sekali sahaja di dalam al-Qur'an menjadi sifat kepada nabi Ismail (a.s) menunjukkan keistimewaan baginda (a.s) kerana sifat ini tidak disebut pada nabi-nabi yang lain walaupun semua nabi memiliki sifat ini.

(ii) Penggunaan ida:faṭ **ءَايَاتُ الرَّحْمٰنِ** hanya disebut sekali dalam al-Qur'an. Al-Qur'an menggunakan ida:faṭ ini untuk membezakan orang-orang yang beriman yang sujud dan menangis apabila dibacakan ayat-ayat Allah (s.w.t) kepada mereka. Ini berbeza dengan penggunaan ida:faṭ **ءَايَاتُنَا** selepas frasa **إِذَا**

تَسْلَىٰ عَلَيْهِمْ yang merujuk kepada golongan bukan Islam yang mengingkari ayat-ayat Allah (s.w.t).

(iii) Penyebutan gaya bahasa *ida:faṭ* هَارُونَ menunjukkan ketepatan al-Qur'an dalam mengungkap semula ucapan kaum Maryam sekaligus menjadi dalil kepada *i'ja:z* al-Qur'a:n dari dimensi *baya:niyy* dan perkhabaran ghaib.

(iv) Gaya bahasa *ida:faṭ* عَبْدُ اللَّهِ disebut sekali sahaja di dalam al-Qur'an untuk menegaskan Isa (a.s) adalah hamba Allah.

11. Gaya bahasa *tanki:r* dalam surah Maryam menunjukkan maksud yang banyak, menunjukkan keagungan atau kebesaran, membawa maksud sedikit dan penentuan tempat bukan tujuan. Perkataan *الزكاة* yang disebut dengan gaya bahasa pengkhasan adalah merujuk kepada ibadat zakat sama ada mengikut syariat Islam atau syariat umat-umat terdahulu manakala *زَكَاة* dengan gaya bahasa *tanki:r* merujuk kepada kesucian jiwa.

12. Antara fungsi *i'ja:z ḥadhf* dalam surah Maryam ialah menegaskan predikat (khabar), menunjukkan orang yang berdoa sangat hampir dengan Allah (s.w.t), objek (*maf'u:l*) yang digugurkan hanya layak bagi objek tersebut, perkataan yang digugurkan telah diketahui dan penyebutan pelaku tidak mempunyai apa-apa tujuan.

13. Terdapat beberapa bentuk *iṭna:b* dalam surah Maryam iaitu ungkapan khusus selepas am, pengulangan, susul ulas, pemilihan kata nama zahir di tempat kata ganti nama dan sisipan. Ia berfungsi menegaskan kesucian diri, menunjukkan keistimewaan, menegaskan sifat rahmat, menegaskan al-Qur'an sebagai sumber kisah-kisah terdahulu, memuliakan Nabi dan Rasul, memberi nasihat, memuji, mengugut, mengukuhkan pernyataan, mengharap belas kasihan dan memberi ancaman.

14. Kajian juga mendapati aspek-aspek balaghah dalam penggunaan gaya bahasa penegasan, gaya bahasa ta'rif dan tanki:r serta i'ja:z hadhaf diambil kira dalam terjemahan tafsir pimpinan ar-Rahman dan terdapat beberapa terjemahan yang kurang tepat.

7.2 Cadangan

Berdasarkan penelitian dan hasil dapatan kajian penulis memberi beberapa saranan:

(a) Pengajaran secara khusus kepada pelajar-pelajar peringkat ijazah lanjutan berkaitan i'ja:z baya:niyy.

(b) Penekanan kepada beberapa aspek ilmu ma' a:ni: yang kurang ditekankan dalam sukatan peringkat SPM dan STPM seperti pendahuluan dan pengakhiran, penyebutan dan pengguguran serta ta' ri:f dan tanki:r.

(c) Pendedahan elemen i'ja:z baya:niyy dengan membawa contoh-contoh mudah dalam pengajaran balaghah di peringkat STPM untuk menimbulkan motivasi pelajar untuk mempelajari bahasa Arab ke peringkat yang lebih tinggi.

(d) Penulis-penulis tempatan perlu memperbanyakkan hasil penulisan berkaitan i'ja:z baya:niyy. Ini disebabkan faktor masyarakat yang semakin memahami kepentingan bahasa Arab ditambah dengan usaha kerajaan memperluaskan pengajaran bahasa Arab seawal sekolah rendah disamping memantapkan lagi pengajaran bahasa Arab di peringkat menengah. Penghasilan hasil penulisan berkaitan i'ja:z baya:niyy boleh dijadikan sebagai bahan bacaan tambahan bahasa Arab.

(e) Pensyarah, pakar dan tokoh profesional secara kolektif menghasilkan Ensiklopedia I' ja:z al-Qur'a:n dalam bahasa Melayu meliputi pelbagai dimensi i' ja:z al-Qur'a:n.

Berdasarkan analisis yang dijalankan oleh pengkaji terdapat beberapa kajian lanjutan yang boleh dijalankan antaranya:

1. Kajian hubungan antara i'jaz baya:niyy dengan dimensi-dimensi i'jaz al-Qur'a:n yang lain. Contohnya hubungan antara i'jaz ilmiah dengan i'jaz bayaniyy, ijaz psikologi dengan i'jaz baya:niyy, i'jaz pensyariatan dengan i'jaz baya:niyy. Kajian dijalankan dengan mengambil ayat-ayat tertentu seperti yang berkaitan dengan i'jaz ilmiah kemudian meneliti hubungan antara bahasa al-Qur'an dengan fakta ilmiah.
2. Kajian berkaitan kesahan penggunaan istilah i'jaz pada hadith Nabi (s.a.w). Contohnya terdapat sarjana yang menggunakan istilah i'jaz ilmiah dalam al-Qur'an dan hadith dan sebahagian yang lain menolak penggunaan istilah i'jaz dalam hadith.
3. Kajian struktur ayat al-Qur'an dalam surah Maryam dari aspek-aspek yang belum dikaji seperti Qaṣr, Faṣl dan Waṣl, pendepanan dan pengakhiran serta penyebutan dan pengguguran.
4. Kajian pemikiran ahli tafsir berhubung struktur ayat seperti Zamakhsyariyy, Ibn 'A:syu:r , al-Alu:siyy dan lain-lain.
5. Kajian aspek-aspek i'jaz baya:niyy yang belum dikaji secara terperinci oleh penulis tempatan seperti fa:ṣi:laṭ Qur'a:niyyaṭ dan balaghah kepelbagaian Qira'at.
6. Kajian hubungan antara ilmu ma'a:ni: dan cabang-cabang ilmu balaghah yang lain dalam terjemahan al-Qur'an ke bahasa Melayu seperti aspek pengguguran, pendepanan dan pengakhiran, gaya bahasa penegasan, qaṣr serta faṣl dan waṣl.
7. Kajian berhubung i'jaz baya:niyy oleh tokoh-tokoh pada zaman penghuraian i'jaz al-Qur'a:n. Contohnya kajian mengenai aspek-aspek ilmu ma'a:ni: atau aspek balaghah yang lain dalam kitab al-Burha:n fi: 'Ulu:m al-Qur'a:n oleh al-Zarkasyiyy.
8. Kajian elemen-elemen ijaz baya:niyy selain struktur ayat dalam surah Maryam seperti penggunaan huruf, pemilihan kata dan fa:ṣi:laṭ Qur'a:niyyaṭ.

Semoga dalam tempoh terdekat akan terdapat mereka yang sedia membuat kajian mengenai topik-topik yang disebut.

7.3 Penutup

Kajian ini merupakan satu usaha untuk meneliti konsep i'ja:z al-Qur'an dan menganalisis struktur ayat sebagai salah satu elemen i'ja:z baya:niyy dan secara khususnya dalam surah Maryam. Kajian menunjukkan konsep i'ja:z al-Qura:n telah wujud sejak zaman penurunan al-Qur'an sekalipun istilah i'ja:z al-Qura:n hanya dibincangkan secara sistematik pada kurun ke-4 H. I'ja:z al-Qur'an terus berkembang ke zaman moden meliputi pelbagai dimensi i'ja:z meliputi dimensi baya:niyy, pensyariatan, ilmiah, perkara ghaib, psikologi dan penggunaan angka ('adadiyy).

I'ja:z baya:niyy merupakan dimensi i'ja:z yang disepakati oleh para sarjana dan ia dapat dibuktikan dalam setiap elemen bahasa bermula dengan huruf muqattaat, pemilihan kata tugas dan perkataan, sturuktur ayat, fa:ṣilat qur'aniyyat dan kepelbagaian qira'at. I'ja:z baya:niyy dalam struktur ayat meliputi penggunaan gaya bahasa ta'rif dan tanki:r, gaya bahasa penegasan, penyebutan dan pengguguran, pendepanan dan pengakhiran serta i:ja:z dan iṭna:b.

Analisis struktur ayat dalam surah Maryam menunjukkan penggunaan penegasan, ta'rif dan tanki:r serta i:ja:z dan iṭna:b mempunyai pelbagai fungsi yang bertepatan dengan konteks ayat serta objektif surah iaitu memuliakan orang-orang yang beriman, mengajak manusia mengesakan Allah (s.w.t) serta menjauhkan perbuatan syirik. Fungsi-fungsi ini menjadi bukti kepada i'ja:z al-Qur'an. Fungsi-fungsi tersebut ialah menolak keraguan, menunjukkan kelemahan, menunjukkan keistimewaan,

memuji, mengugut pengajaran atau amaran, mengelakkan dari mengaibkan. menunjukkan keistimewaan menunjukkan maksud yang banyak, menunjukkan keagungan atau kebesaran, membawa maksud sedikit dan menegaskan rahmat.

Penulis mengakhiri kajian ini dengan menyebut ungkapan sarjana Sahl bin ‘Abdulla:h yang dinyatakan oleh al-Zarkasyiyy dalam al-Burha:n fi: ‘Ulu:m al-Qur’a:n:

لَوْ أُعْطِيَ الْعَبْدُ بِكُلِّ حَرْفٍ مِنَ الْقُرْآنِ أَلْفَ فَهَمٍ لَمْ يَسْلُغْ نِهَآيَةَ مَا أَوْدَعَهُ اللَّهُ فِي آيَةٍ
مِنْ كِتَابِهِ لِأَنَّ كَلَامَ اللَّهِ وَكَلَامَهُ وَصِفَتَهُ وَكَمَا أ

“Sekiranya Allah memberikan kepada seorang hamba seribu kefahaman bagi setiap huruf di dalam al-Qur’an dia tidak akan mencapai penghujung apa yang disimpan oleh Allah (s.w.t) dalam al-Qur’an kerana ianya merupakan kalamullah, seperti Allah tidak ada akhirnya, maka begitu juga tidak ada akhir dalam memahaminya, sesungguhnya seseorang itu diberi kefahaman mengikut yang dibuka oleh Allah (s.w.t) untuknya.”¹

¹ al-Zarkasyiyy (1957), *op.cit.*, j. 1, hal. 9.